



20+



Profil Kartunis Jon

@jonkartunis · Blog Peribadi

Hantar Mesej

Halaman Utama

Semakan

Lagi

Suka



Profil Kartunis Jon

13 Mei 2020 ·

Petikan dari akhbar Utusan Malaysia, 22/10/1983





20+

lamannya di samping liputan berita dan lain-lain rencana. Ada kalanya, para pembaca membeli akhbar semata-mata untuk menatap ruangan kartun yang terdapat di dalamnya. Malah, ada orang yang mencari ruangan kartun setiap pagi apabila mereka membuka akhbar.

Majalah-majalah kartun yang khususnya menyediakan semata-mata kartun seperti Gila-Gila, Gelihati, Telatah dan beberapa majalah lain sudah mendapat pasaran yang agak mantap dewasa ini. Itulah petanda betapa kuatnya pengaruh kartun dalam kehidupan seharian masyarakat masa kini.

Dengan keadaan itu lantas golongan kartunis menjadi begitu penting dalam perkembangan media-massa sekarang ini. Maka, dalam suasana itu, nama-nama seperti

JAAFAR TAIB
Kini, sebut saja Nan atau Lat semua orang kenal malah kanak-kanak sekalipun. Meskipun, begitu para kartunis ini tidaklah sering didekati oleh para peminat mereka sepertimana dekat dan mesranya para artis terutama penyanyi dan bintang filem dengan para pemuja-nya.

Forum
Ini adalah kerana para kartunis jarang-jarang muncul di khayal ramai di majlis-majlis pertunjukan seperti para artis. Kartunis hanya dikenali menerusi geletek mereka di ruangan-ruangan khas, di akhbar-akhbar dan majalah.

Atas hakikat itu, Unit Kebudayaan Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengambil daya usaha untuk

NAN
kartunis dengan masyarakat dalam dan luar kampus. Pada 22 Oktober ini, hari Sabtu bertempat di galeri seni Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM, Bangi pukul 10.30 pagi satu pameran kartun 83 akan berlangsung dengan dirasmikan oleh Datin Masnah Rais, isteri Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Di pameran itu nanti orang ramai akan berpeluang berkenalan dengan kartunis-kartunis seperti Nan, Lat, kartunis dari Kumpulan Gila-Gila seperti Zainal Buang Hussain, Kerengga, Don dan lain-lain. Beberapa kartunis yang turut mencipta nama dalam alam kartun Malaysia seperti Dino, Azman, Imuda, Yuzal, Zohal akan

LAT
bagai kartunis Apayee memberitahu bahawa di pameran yang akan berlangsung sehingga 5 November ini orang ramai akan berpeluang melihat lebih 200 buah kartun yang telah dilukiskan selama ini oleh para kartunis tersebut.

Di samping itu pengunjung-pengunjung pameran akan turut berpeluang menonton beberapa demonstrasi melukis kartun yang dilakukan oleh kartunis-kartunis.

Untuk hidangan istimewa terutama kepada kanak-kanak, satu tayangan filem animasi "Kancil" terbitan Filem Negara akan juga disajikan. Selain itu pameran itu akan turut memamerkan lukisan-lukisan menarik yang menjadi koleksi Balai



1

Suka

Komen

Kongsi



Tulis komen...



OTHER POSTS



Profil Kartunis Jon

7 Februari jam 2:38 PTG

Alhamdulillah.. 700 postings lakaran kartun sungguhpun ada yang repeat drawing tapi dialog dan isu lain2. Mudah2an diterimabaik seadanya. Sekadar menghiburkan teman2 dan yang mengikuti di fb [Kartunis Jon](#) dan instagram [kartunisjon](#) (foto).

kartunisjon



718 Posts

205 Followers

181 Following

